



DASAR داسر قنرغن PENERANGAN NEGERI KELANTAN (DPNK)



UPKN

URUS SETIA PENERANGAN DAN
KOMUNIKASI NEGERI KELANTAN
(UPKN)



داسر قنرغن نكري كلنتن
**DASAR PENERANGAN
NEGERI KELANTAN
(DPNK)**



URUS SETIA PENERANGAN DAN
KOMUNIKASI NEGERI KELANTAN
(UPKN)

Cetakan Pertama: Januari 2026

Hakcipta
Urus Setia Penerangan dan Komunikasi
Negeri Kelantan (UPKN)

©Hakcipta terpelihara, tiada mana-mana bahagian daripada buku ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar kepada apa-apa bentuk dengan sebarang cara sekalipun tanpa izin bertulis daripada penerbit.

Diterbitkan oleh:
URUS SETIA PENERANGAN DAN KOMUNIKASI
NEGERI KELANTAN (UPKN)
TINGKAT ATAS, BLOK 7, KOMPLEKS KOTA DARULNAIM,
15503 KOTA BHARU, KELANTAN
Emel: upknkelantan@gmail.com



Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Perpustakaan Negara Malaysia

Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati
dari Perpustakaan Negara Malaysia

ISBN 978-629-94498-0-5

KANDUNGAN

Panel Penulis

i

Seulas Kalam Menteri Besar Kelantan

iii

Kata Alu-aluan Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Islam,
Dakwah, Penerangan dan Hubungan Seranta Negeri Kelantan

vi

Seuntai Kalimah Pengarah Urus Setia Penerangan dan
Komunikasi Negeri Kelantan

viii

BAHAGIAN PERTAMA: PENDAHULUAN

1

1.1. PENGENALAN

1

1.2. DEFINISI

2

1.3. FALSAFAH PENERANGAN

3

1.4. RASIONAL DASAR

5

1.5. PERNYATAAN DASAR

6

1.6. MATLAMAT

6

1.7. VISI

7

1.8. MISI

7

1.9. TEMA

7

1.10. OBJEKTIF

8

BAHAGIAN KEDUA: PANDUAN PELAKSANAAN

9

2.1. PELAKSANA

9

2.2. PANDUAN

9

2.3. STRATEGI

11

2.4. PEMETAAN STRATEGI

12

BAHAGIAN KETIGA: PEMANTAUAN

14

3.1. PEMANTAUAN

14

3.2. ASAS PENILAIAN

14

BAHAGIAN KEEMPAT: HAL-HAL LAIN	16
---------------------------------------	----

4.1 SEMAKAN DAN PINDAAN	16
-------------------------	----

4.2 JAWATANKUASA SEMAKAN DAN PINDAAN	16
--------------------------------------	----

4.3 RUJUKAN DASAR	16
-------------------	----

BAHAGIAN KELIMA: PENUTUP	18
---------------------------------	----

SENARAI ISTILAH	19
------------------------	----

SINGKATAN	21
------------------	----

LAMPIRAN 1	22
-------------------	----

LAMPIRAN 2	35
-------------------	----

LAMPIRAN 3	37
-------------------	----

RUJUKAN	38
----------------	----

PANEL PENULIS

Dato' Dr. Wan Nik bin Wan Yussof

Ustaz Hanifulfuad bin Hussin

Ustaz Razuan bin Awang Hamad

Zalifah binti Zulkifli

Dr. Syarbaini bin Ahmad

Ustazah Asmak binti Husin

Ustaz Borhanuddin bin Ahmad

Mohd Khairul Padli bin Baduldin

Dr Mohd Alwee bin Yusoff

Mazlan bin Jusoh

Mohamad Zaki Mustafa

Mohamad Farhan bin Mohd Fauzai

Norzana binti Razaly

Nur Asyura binti Muhamad

Che Maziah binti Mat

Dasar Penerangan Negeri Kelantan (DPNK) ini diterbitkan sebagai satu dokumen penting yang akan menjadi panduan asas dan rujukan kepada semua jabatan, agensi dan warga kerja pentadbiran negeri serta semua pihak yang berkepentingan dalam bidang penerangan untuk merangka strategi komunikasi yang berkesan, mematuhi tuntutan syarak dan menepati arus perkembangan semasa.



SEULAS KALAM MENTERI BESAR KELANTAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Firman Allah SWT:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِن جَاءَكُمْ فَاسِقٌ بِنَبَأٍ
فَتَبَيَّنُوا أَن تُصِيبُوا قَوْمًا بِجَهَالَةٍ فَتُصْبِحُوا عَلَىٰ
مَا فَعَلْتُمْ نَادِمِينَ ﴿٦﴾

Maksudnya: “Wahai orang-orang yang beriman! Jika datang kepada kamu seorang fasik membawa sesuatu berita, maka selidikilah (untuk menentukan) kebenarannya, supaya kamu tidak menimpakan sesuatu kaum dengan perkara yang tidak diingini - dengan sebab kejahilan kamu (mengenainya) - sehingga menjadikan kamu menyesali apa yang kamu telah lakukan.”

(Surah al-Hujurat: 6)

Islam amat menitikberatkan soal integriti dalam penerangan dan penyebaran informasi. Ketepatan serta kebenaran sesuatu informasi akan mendatangkan impak yang positif kepada banyak pihak. Hal ini menuntut

sifat amanah, hikmah dan tanggungjawab dalam menyampaikan serta menyebarkan informasi sebagaimana yang ditekankan di dalam al-Quran dan al-Hadis.

Sebagai sebuah kerajaan negeri yang berpegang teguh kepada Dasar Membangun Bersama Islam (MBI), tanggungjawab menyampaikan maklumat yang benar, tepat dan telus merupakan satu amanah besar yang tidak boleh dipandang ringan. Kita sedar bahawa dalam era teknologi maklumat serba pantas hari ini, pelbagai isu tular boleh timbul hanya kerana kegagalan kita menyalurkan fakta yang betul kepada rakyat. Keadaan ini, jika tidak ditangani dengan baik, boleh mencetuskan persepsi yang tidak tepat terhadap Kerajaan Negeri Kelantan dan boleh melemahkan keyakinan rakyat terhadap dasar serta hala tuju pentadbiran.

Justeru, kewujudan buku Dasar Penerangan Negeri Kelantan (DPNK) adalah satu langkah tepat dan wajar bagi memantapkan sistem penyampaian maklumat kerajaan negeri kepada rakyat. Dasar ini akan menjadi rujukan utama semua jabatan, agensi dan warga kerja pentadbiran negeri serta semua pihak yang berkepentingan dalam bidang penerangan untuk merangka strategi komunikasi yang berkesan, mematuhi tuntutan syarak dan menepati arus perkembangan semasa.

Tanggungjawab menyebarkan maklumat bukan hanya tanggungjawab sebuah entiti semata-mata, tetapi menjadi tugas bersama seluruh jentera kerajaan. Setiap jabatan dan agensi perlu mengambil berat kepentingan komunikasi korporat di jabatan masing-masing agar informasi tepat mengenai perancangan, perkembangan dan kemajuan agenda kerajaan negeri di setiap peringkat dapat disebarkan kepada rakyat melalui apa sahaja platform media semasa.

Akhir kata, saya merakamkan penghargaan kepada semua pihak yang terlibat menjayakan penggubalan dan penyediaan naskhah DPNK ini. Semoga dasar ini menjadi manual yang bermanfaat, memacu pentadbiran negeri yang lebih berkesan, sekali gus memastikan Kelantan terus

makmur, diberkati dan sejahtera di bawah naungan rahmat Allah SWT.

Sekian.

“ISLAM DIJUNJUNG, RAKYAT BERSATU, NEGERI BERKAT,
RAJA BERDAULAT”

“PENGHAYATAN MEMBANGUN BERSAMA ISLAM”

Dengan hormatnya,



YAB DATO' PANGLIMA PERANG
USTAZ DATO' HAJI MOHD NASSURUDDIN BIN HAJI DAUD,
S.J.M.K.,D.J.M.K.,J.M.K. (Kelantan)
Menteri Besar Kelantan



KATA ALU-ALUAN

YB PENERUSI JAWATANKUASA PEMBANGUNAN ISLAM,
DAKWAH, PENERANGAN DAN HUBUNGAN SERANTA
NEGERI KELANTAN

Firman Allah SWT:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَكُونُوا مَعَ الصَّٰدِقِينَ

Maksudnya: “Wahai orang-orang yang beriman!
Bertaqwalah kamu kepada Allah, dan hendaklah kamu
berada bersama-sama orang-orang yang benar.”

(Surah Al-Taubah, 119)

Alhamdulillah, Buku Dasar Penerangan Negeri Kelantan (DPNK) ini diterbitkan sebagai satu dokumen penting yang akan menjadi panduan asas dan rujukan seluruh warga penerangan, media, pentadbiran dan semua pemegang taruh yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak. Dalam mendepani arus perkembangan maklumat yang semakin pantas bergerak, kita berdepan dengan cabaran dunia langit terbuka yang seringkali menjadi medan penyebaran semua perkara, bercampur-aduk antara kebenaran dan kepalsuan tanpa pembuktian.

Melengkapi portfolio dalam bidang penerangan, saya sentiasa berpegang kepada prinsip bahawa membina ekosistem yang baik dalam bidang penerangan untuk menyampaikan kebenaran adalah kerja agama dan

ia perlu dibentuk melalui urus tadbir yang baik. Kita perlukan dasar yang jelas, tersusun dan berstrategi agar maklumat yang disampaikan dan disebar adalah sahih dan tepat kepada rakyat.

Justeru, inilah pendekatan penerangan yang disandarkan kepada dasar utama negeri iaitu Membangun Bersama Islam (MBI) serta menyokong strategi Penghayatan Membangun Bersama Islam (PMBI) di bawah pentadbiran YAB Dato' Panglima Perang Menteri Besar Kelantan hari ini. Bahkan dengan menekankan elemen penyampaian beretika, penjernihan persepsi, pematuhan media dan pengukuhan saluran komunikasi rakyat agar seiring dengan hala tuju Kelantan Sejahtera 2033.

Saya percaya dengan kesepaduan dan kerjasama semua pihak, matlamat untuk memperkukuh penyebaran maklumat yang benar dan membentuk minda rakyat yang sejahtera akan dapat direalisasikan melalui rujukan DPNK. Saya rakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan penerbitan buku dasar ini. Semoga Kelantan terus menerajui perubahan dalam kerangka Penghayatan Membangun Bersama Islam.

Sekian, terima kasih.



YB USTAZ MOHD ASRI BIN MAT DAUD
Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Islam, Dakwah,
Penerangan dan Hubungan Seranta Negeri Kelantan



SEUNTAI KALIMAH
PENGARAH
URUS SETIA PENERANGAN
DAN KOMUNIKASI NEGERI KELANTAN

أَدْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحُكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ ۚ وَجَدِ لَهُمْ
بِالَّتِي هِيَ أَحْسَنُ

Maksudnya: “Serulah (manusia) ke jalan Tuhanmu dengan hikmah dan pengajaran yang baik dan berdebatlah dengan mereka dengan cara yang baik.”

(Surah An-Nahl: 125)

Segala puji dan syukur dipanjatkan ke hadrat Allah SWT, Tuhan Rabbul ‘Alamin yang mengatur segala urusan pentadbiran dan memberi ruang kepada hamba-Nya untuk melaksanakan amanah dalam memartabatkan kebenaran. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW, qudwah hasanah yang mengajar umat menyampaikan risalah dengan hikmah dan bijaksana.

Dalam konteks pentadbiran Negeri Kelantan, dasar penerangan bukan sekadar soal menyebarkan maklumat semata-mata, tetapi suatu bentuk dakwah dan tanggungjawab sosial yang berakar kepada Dasar Membangun Bersama Islam (MBI).

Ayat di atas menjadi pedoman kepada Urus Setia Penerangan dan Komunikasi Negeri Kelantan (UPKN) bahawa sebarang bentuk penerangan mestilah berlandaskan ilmu, berhikmah dan tidak menyalahi adab Islam.

UPKN berdiri sebagai media rasmi kerajaan negeri, menjadi suara yang memayungi aspirasi pimpinan dan rakyat. UPKN juga berfungsi sebagai salah satu entiti pelaksana dasar penerangan negeri di bawah kelolaan portfolio Exco Penerangan. Dalam era ledakan maklumat yang semakin pantas dan tidak bertepi ini, keperluan untuk memastikan fakta yang benar, sahih dan berpandukan etika kewartawanan Islam menjadi semakin mendesak.

Atas kesedaran inilah, UPKN beriltizam memperkukuh pelbagai saluran konvensional (cetak) dan digitalisasi serta media sosial agar segala dasar, inisiatif, program pembangunan serta penjelasan dasar dapat sampai kepada rakyat dengan pantas, tepat dan bertanggungjawab. Keupayaan untuk memacu literasi maklumat dalam kalangan rakyat juga menjadi penekanan utama supaya masyarakat tidak mudah terpedaya dengan fitnah, berita palsu mahupun manipulasi fakta yang boleh mencetuskan kekeliruan.

Buku Dasar Penerangan Negeri Kelantan (DPNK) ini hadir sebagai dokumen rujukan dan panduan bersama. Ia menjadi landasan kepada seluruh warga UPKN untuk menyusun strategi komunikasi, membina naratif yang mendidik, merapatkan jurang maklumat serta memperkukuh kepercayaan rakyat terhadap pentadbiran negeri. Dalam masa sama, dasar ini juga menggariskan peranan kami sebagai pemudah cara komunikasi antara kerajaan dan rakyat, agar setiap dasar sampai ke akar umbi dan diterima dengan kefahaman yang jelas.

Saya yakin, usaha ini tidak akan berjaya tanpa dukungan erat pelbagai pihak iaitu para pengamal media, wartawan lapangan, penggiat komunikasi komuniti serta para sukarelawan media yang sentiasa gigih mendidik masyarakat melalui saluran masing-masing. UPKN juga sentiasa terbuka

kepada kerjasama rentas agensi dan bertekad membina rangkaian komunikasi yang lebih mantap demi kesejahteraan rakyat Kelantan.

Akhirnya, saya menyeru agar kita sama-sama berganding bahu, menghayati tanggungjawab penerangan sebagai sebahagian daripada amal soleh yang memberi manfaat kepada ummah. Semoga usaha kecil kita ini menjadi saham pahala yang berkekalan di sisi Allah SWT.



USTAZ RAZUAN BIN AWANG HAMAD
Pengarah
Urus Setia Penerangan dan Komunikasi
Negeri Kelantan (UPKN)

DASAR PENERANGAN NEGERI KELANTAN (DPNK)

BAHAGIAN PERTAMA

PENDAHULUAN

1.1. PENGENALAN

- 1.1.1. Dasar Penerangan Negeri Kelantan (DPNK) merupakan dokumen penting bagi menterjemahkan kerangka dasar Membangun Bersama Islam (MBI) untuk difahami oleh agensi-agensi pelaksana dan rakyat.
- 1.1.2. Dasar MBI mula diperkenalkan pada tahun 1990 dan kini dilengkapi lagi dengan DPNK sebagai instrumen bagi membentuk kefahaman, kecaknaan dan pengetahuan rakyat berteraskan ajaran Islam.
- 1.1.3. Penghayatan ajaran Islam dalam konteks ini meliputi semua aspek kehidupan termasuk pentadbiran, pembangunan, ekonomi, pendidikan, penyampaian maklumat dan sosial. Perkara ini digariskan dalam MBI dengan menekankan prinsip *Ubudiyyah*, *Mas'uliyah* dan *Itqan*, serta teras akidah, ibadah dan akhlak. Instrumen ini dijemakan melalui nilai tasawur, perasaan dan tingkah laku.
- 1.1.4. Melalui DPNK, sistem penyampaian maklumat Kerajaan Negeri Kelantan diselaraskan supaya lebih menyeluruh, strategik dan bersifat mendidik. DPNK menyasarkan pembinaan masyarakat celik maklumat yang seimbang antara duniawi dan ukhrawi, sejajar dengan pelaksanaan Maqasid syariah demi menjaga agama, nyawa, akal,

keturunan dan harta.

1.1.5. DPNK digubal sebagai nilai tambah terhadap peraturan di peringkat Persekutuan dan negeri termasuk Perlembagaan Persekutuan, Undang-Undang Perlembagaan Tubuh Kerajaan Kelantan, Akta Komunikasi dan Multimedia 1998, Akta Hasutan 1948 dan Akta Fitnah 1957, Kanun Keseksan serta Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 bagi melahirkan masyarakat bermaklumat yang tidak menyimpang daripada dasar MBI.

1.1.6. Secara keseluruhannya, DPNK berperanan sebagai panduan pembentukan jati diri rakyat Kelantan agar selari dengan visi kerajaan negeri menuju “Kelantan Sejahtera 2033” berlandaskan syariat Islam.

1.2. DEFINISI

1.2.1. Penerangan

Penerangan adalah hal atau perbuatan menerang, menjelas, menyampaikan dan menyebarkan maklumat yang tepat dan berfakta berkaitan dasar-dasar kerajaan, falsafah dan wawasan negeri.

1.2.2. Komunikasi

Komunikasi merupakan kaedah penyampaian maklumat, idea dan mesej di antara kerajaan negeri dan rakyat melalui pelbagai medium dengan mengutamakan nilai-nilai beretika yang berkesan.

1.3. FALSAFAH PENERANGAN

- 1.3.1. Dasar ini mengutamakan pendekatan penerangan secara berhikmah, seimbang dan harmonis dengan menggabungkan intelek, emosi, rohani dan jasmani. Perkara ini dinyatakan oleh Allah SWT dalam Surah An-Nahl 16:125, Surah Al-Baqarah, ayat 269 dan Surah Al-Baqarah ayat 2:42.

أَدْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحِكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ
وَجِدْ لَهُمْ بِأَلَّتِي هِيَ أَحْسَنُ

Maksudnya: “Serulah (manusia) ke jalan Tuhanmu dengan hikmah dan pengajaran yang baik, dan berdebatlah dengan mereka dengan cara yang baik.”

(Surah An-Nahl 16:125)

يُؤْتِي الْحِكْمَةَ مَنْ يَشَاءُ ۚ وَمَنْ يُؤْتَ الْحِكْمَةَ فَقَدْ
أُوتِيَ خَيْرًا كَثِيرًا ۚ وَمَا يَذَّكَّرُ إِلَّا أُولُو الْأَلْبَابِ

Maksudnya: “Dia memberikan hikmah kepada sesiapa yang Dia kehendaki. Barang siapa yang diberi hikmah, sesungguhnya dia telah diberi kebaikan yang banyak. Dan tidak ada yang dapat mengambil pengajaran daripadanya kecuali orang-orang yang mempunyai akal yang sihat.”

(Surah Al-Baqarah 2:269)

وَلَا تَلْبِسُوا الْحَقَّ بِالْبَاطِلِ وَتَكْتُمُوا الْحَقَّ وَأَنْتُمْ
تَعْلَمُونَ

Maksudnya: *“Dan janganlah kamu mencampur adukkan kebenaran dengan kebatilan dan (janganlah) kamu menyembunyikan kebenaran, sedangkan kamu mengetahuinya.”*

(Surah Al-Baqarah 2:42)

- 1.3.2. Dasar ini mengutamakan kaedah komunikasi yang sahih, beretika dan berkesan sebagaimana dalil berikut:

فَقُولَا لَهُ قَوْلًا لَّيِّنًا لَّعَلَّهُ يَتَذَكَّرُ أَوْ يَخْشَىٰ

Maksudnya: *“Maka berbicaralah kamu berdua kepadanya (Firaun) dengan kata-kata yang lemah-lembut, mudah-mudahan dia sedar atau takut”.*

(Surah Taha 20:44)

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عَمْرٍو رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا عَنْ النَّبِيِّ
صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: الْمُسْلِمُ مَنْ سَلِمَ
الْمُسْلِمُونَ مِنْ لِسَانِهِ وَيَدِهِ وَالْمُهَاجِرُ مَنْ هَجَرَ
مَا نَهَى اللَّهُ عَنْهُ

Maksudnya: Daripada ‘Abdullah bin ‘Amr RA daripada Nabi SAW bersabda: “Seorang Muslim (yang sempurna Islamnya) ialah (apabila) seseorang Muslimin (yang lain) selamat daripada (keburukan) lidahnya dan tangannya, manakala seorang muhajir (yang berhijrah) adalah seseorang yang meninggalkan segala yang dilarang oleh Allah SWT.”

(Hadith riwayat al-Bukhari, No. 10, 6484, Muslim, No. 40)

- 1.3.3. Perincian berkenaan dengan falsafah, ciri-ciri, prinsip dan etika penerangan adalah sebagaimana *Lampiran 1, muka surat 22*.

1.4. RASIONAL DASAR

Dasar ini mengambil kira rasional berikut:

- 1.4.1. Memastikan maklumat kerajaan disampaikan dengan betul, tepat dan beretika
- 1.4.2. Meningkatkan literasi bagi membina kesedaran, persepsi positif dan kepercayaan rakyat

1.4.3. Menangani cabaran komunikasi era digital dan fitnah siber

1.5. PERNYATAAN DASAR

- 1.5.1. DPNK diwujudkan sebagai salah satu usaha merealisasikan penyebaran maklumat pentadbiran selaras dengan dasar MBI.
- 1.5.2. DPNK berperanan memperkuat kepercayaan rakyat terhadap program serta inisiatif kerajaan.
- 1.5.3. DPNK menjadi panduan utama kepada semua jabatan, agensi, bahagian, unit dan pemegang taruh dalam melaksanakan tugas berkaitan penerangan dan komunikasi.
- 1.5.4. DPNK dijadikan asas penilaian kejayaan dalam usaha menggerakkan medium penerangan dan komunikasi yang melibatkan kumpulan sasar secara telus, berhemah dan berintegriti.

1.6. MATLAMAT

DPNK sebagai jalan penyelesaian terhadap isu-isu yang berkaitan dengan penerangan dan komunikasi.

- 1.6.1. Mengarus perdana nilai *Ubudiyyah*, *Mas'uliyah* dan *Itqan* dalam setiap bentuk komunikasi kerajaan negeri.
- 1.6.2. Memperkasa sistem penerangan dan komunikasi kerajaan negeri.

- 1.6.3. Memperkasa jentera penerangan negeri yang berintegriti, profesional dan berjiwa pendakwah
- 1.6.4. Membudaya dan mendidik rakyat terhadap kesahihan dan kebenaran maklumat melalui budaya semak dan imbang (*tabayyun*).
- 1.6.5. Mencapai agenda komunikasi strategik yang boleh mendidik, membina persepsi positif dan menyatukan rakyat dengan kefahaman yang benar.

1.7. VISI

Peneraju bagi menggerakkan sistem penyebaran maklumat melalui saluran penerangan dan jaringan komunikasi ke arah menuju Kelantan yang sejahtera berpaksikan syariat Islam.

1.8. MISI

Menyampaikan maklumat secara berhemah, tepat dan berakhlak untuk membina masyarakat bermaklumat serta menjalin komunikasi secara telus serta efektif di antara kerajaan dan rakyat.

1.9. TEMA

“Benar, Jelas dan Beretika”

1.10. OBJEKTIF

- 1.10.1. Menjayakan prinsip pentadbiran MBI
- 1.10.2. Memastikan sistem penyampaian, pemahaman dan penghayatan cara hidup sejahtera dalam semua segmen masyarakat di Kelantan.
- 1.10.3. Memperhebat jaringan penerangan dan komunikasi dalam menyebarkan luas maklumat yang tepat dan berfakta.
- 1.10.4. Mendidik masyarakat peka maklumat tepat melalui sumber sahih.
- 1.10.5. Menangani penularan maklumat-maklumat palsu, propaganda dan hasutan.

BAHAGIAN KEDUA

PANDUAN PELAKSANAAN

2.1. PELAKSANA

Pihak yang bertanggungjawab:

- 2.1.1. Pemegang taruh – Kerajaan Negeri Kelantan
- 2.1.2. Agensi pelaksana – Urus Setia Penerangan dan Komunikasi Negeri Kelantan (UPKN)
- 2.1.3. Agensi Sokongan - Semua jabatan/agensi kerajaan negeri (*Rujuk Lampiran 2, muka surat 35*)
- 2.1.4. Rakan strategik – IPTA/IPTS, Badan Bukan Kerajaan (NGO/ NGI) (*Rujuk Lampiran 2, muka surat 36*)
- 2.1.5. Pihak-pihak berkepentingan

2.2. PANDUAN

- 2.2.1. Panduan Utama
 - a. Gerak kerja penerangan dan komunikasi berlandaskan syariat Islam.
 - b. Keabsahan maklumat yang disampaikan bagi mengelak sebarang kekeliruan.

- c. Strategi penyampaian secara berhikmah, sistematik, berterusan dan meluas.
- d. Perancangan program penerangan secara inklusif melibatkan penyertaan awam.
- e. Memastikan maklumat dan info yang hendak disampaikan kepada sasaran hendaklah lengkap dan merangkumi segala permasalahan yang berbangkit.
- f. Ketahanan media sebagai medium penyampaian maklumat.

2.2.2. Panduan Pelaksana

- a. Penyampaian maklumat dilaksanakan secara benar, jelas dan beretika.
- b. Petugas penerangan menyampaikan informasi secara tepat.
- c. Mekanisme penerangan secara tradisional dan kontemporari.
- d. Jaringan bersepadu jentera penerangan ke peringkat akar umbi.
- e. Kemantapan program pembangunan insan bagi meningkatkan tahap kecekapan petugas.

2.3. STRATEGI

2.3.1. Pelaksanaan penerangan dan komunikasi secara konvensional:

- a. Memastikan agensi pelaksana melaksanakan program dan aktiviti penerangan bagi menyebarkan maklumat berkaitan pencapaian kerajaan negeri secara bersasar, sistematik dan tersusun.
- b. UPKN sebagai pusat rujukan berita Kelantan yang benar, sahih, tepat dan cepat.
- c. UPKN sebagai pusat latihan jentera penerangan dan komunikasi dengan kerjasama rakan strategik dan agensi sokongan

2.3.2. Pelaksanaan penerangan dan komunikasi secara media baharu melalui penggunaan platform digital, multimedia dan kecerdasan buatan (AI).

2.3.3. Pelaksanaan penerangan dan komunikasi secara hibrid yang menggabungkan strategi konvensional dan media baharu.

2.3.4. Strategi pelaksanaan penerangan dan komunikasi secara konvensional, media baharu dan hibrid hendaklah mengambil kira kaedah berikut:

- a. Maklumat yang disampaikan perlu tepat dan berfakta.
- b. Berkomunikasi secara berhemah dan beradab.

- c. Mengetengahkan maklumat secara ringkas dan padat.
- d. Gaya penulisan yang jelas dan terjemahan yang mudah difahami.
- e. Dilengkapi dokumen sokongan yang tuntas.
- f. Mempertimbangkan segmentasi khalayak dan kesesuaian penerbitan memenuhi kehendak kumpulan sasaran.

2.4. PEMETAAN STRATEGI

- 2.4.1. Mengadakan latihan, kemahiran dan kefahaman yang jitu dengan prinsip pentadbiran MBI kepada penggerak penerangan dan komunikasi.
- 2.4.2. Memperluas peranan jabatan/agensi dalam pelaksanaan pelan strategik penerangan dan komunikasi.
- 2.4.3. Memperkasakan media rasmi dan menyelaraskan maklumat melalui media sosial dan digital secara profesional untuk memperluaskan capaian maklumat.
- 2.4.4. Menggerakkan kebersamaan kepimpinan kerajaan negeri dengan kumpulan berkepentingan dalam aspek penerangan dan informasi.
- 2.4.5. Mewujudkan Unit Respons Pantas untuk memantau, menyemak dan membetulkan sebarang maklumat yang didapati tidak benar.

2.4.6. Mempromosi budaya semak fakta dalam kalangan rakyat.

(Rujuk Lampiran 3, muka surat 37)

BAHAGIAN KETIGA

PEMANTAUAN

3.1 PEMANTAUAN

- 3.1.1 Pemantauan berpusat di peringkat negeri diselaraskan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri yang bertanggungjawab terhadap Portfolio Penerangan dan Komunikasi.
- 3.1.2 Memastikan setiap jabatan atau agensi membuat penilaian prestasi tahunan terhadap program penerangan dan komunikasi
- 3.1.3 Penilaian berdasarkan petak Pemetaan DPNK (*Rujuk Lampiran 3, muka surat 37*).

3.2 ASAS PENILAIAN

- 3.2.1 Peningkatan kefahaman rakyat terhadap perkembangan kerajaan negeri hasil daripada maklumat yang dihebahkan melalui media kerajaan negeri dan medium berkaitan.
- 3.2.2 Keseragaman naratif agensi pelaksana, rakan strategik dan pihak berkepentingan dalam gerak kerja penyebaran maklumat berkaitan kerajaan Kelantan.
- 3.2.3 Kesedaran rakyat terhadap aspirasi pentadbiran MBI dalam aspek pembangunan fizikal, spiritual dan daya saing rakyat Kelantan.

- 3.2.4 Komitmen tinggi rakyat untuk mendapat maklumat secara langsung daripada jentera penerangan kerajaan negeri terhadap isu berbangkit.
- 3.2.5 Dasar yang dilaksanakan di Kelantan mampu menjadi teladan kepada semua pihak.
- 3.2.6 Kepimpinan Ulama berupaya melestarikan kesejahteraan rakyat.

BAHAGIAN KEEMPAT

HAL-HAL LAIN

4.1 SEMAKAN DAN PINDAAN

Tertakluk kepada perubahan semasa, sebarang semakan dan pindaan ke atas teks DPNK perlu mendapat kelulusan dan persetujuan pada peringkat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kelantan.

4.2 JAWATANKUASA SEMAKAN DAN PINDAAN

Jawatankuasa ini hendaklah dipengerusikan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri yang bertanggungjawab terhadap portfolio penerangan dan komunikasi.

4.3 RUJUKAN DASAR

DPNK merujuk kepada:

4.3.1 Perlembagaan Persekutuan

4.3.2 Undang-undang Perlembagaan Tubuh Kerajaan Kelantan

4.3.3 Undang-undang Bertulis

4.3.4 Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMK)

4.3.5 Dasar Pentadbiran Membangun Bersama Islam (MBI)

4.3.6 Dasar-dasar sedia ada kerajaan negeri yang digubal

BAHAGIAN LIMA

PENUTUP

DPNK merupakan komitmen kerajaan negeri untuk menyampaikan maklumat secara berhemah, tepat dan berpaksikan prinsip syarak. DPNK menjadi panduan dalam mengawal selia maklumat agar selaras dengan nilai Islam dan budaya tempatan. Matlamatnya adalah membina masyarakat bermaklumat yang sejahtera di dunia dan bahagia di akhirat, selari dengan aspirasi pentadbiran MBI yang berteraskan tadbir urus Islam dan nilai murni.

“Benar, Jelas dan Beretika”

SENARAI ISTILAH

i. Pemegang Taruh (Stakeholder)

Mana-mana individu, kumpulan, organisasi atau institusi yang mempunyai kepentingan secara langsung atau tidak langsung terhadap sesuatu organisasi, projek, dasar atau keputusan.

ii. Hibrid (Hybrid)

Sistem yang terbentuk daripada gabungan beberapa teknologi atau kaedah yang berlainan.

iii. Kecerdasan buatan (Artificial Intelligence)

AI menggabungkan kekuatan mesin atau komputer untuk meniru tingkah laku serta pemikiran manusia.

iv. Pemetaan (Mapping)

Proses menggambarkan atau menerangkan sesuatu termasuk kedudukan, keadaan atau makna sesuatu dalam bentuk peta atau gambaran yang jelas.

v. Unit Respons Pantas (Fast Response Unit)

Unit yang diwujudkan bagi menjawab secara pantas dan tepat isu yang berbangkit.

vi. Pempengaruh (influencer)

Individu yang memiliki pengaruh besar di media sosial dan mampu mempengaruhi pendapat, perilaku dan keputusan pengikut mereka.

vii. Ubudiyyah

Pengabdian kepada Allah secara menyeluruh

viii. Mas'uliyah

Pertanggungjawaban seseorang terhadap ucapan, tindakan atau perbuatan yang telah dilakukan.

ix. Itqan

Ketekunan seseorang dalam melakukan kerja sehingga mencapai tahap kemahiran dalam pekerjaannya.

x. Maqasid syariah

Tujuan, matlamat, atau objektif yang ingin dicapai oleh hukum-hukum dalam Islam

xi. Media Baharu

Komunikasi digital menggunakan internet dan teknologi komputer yang membolehkan maklumat disebar secara interaktif merentas sempadan, menggantikan media konvensional satu hala seperti akhbar, TV dan radio. Media baharu merangkumi laman web, video, audio, e-mel, forum dan iklan digital, manakala media sosial melibatkan platform interaktif seperti Facebook, TikTok, Instagram, YouTube, Podcast, Telegram, WhatsApp dan X.

SINGKATAN

AI	– Kecerdasan Buatan (<i>Artificial Intelligence</i>)
DPNK	– Dasar Penerangan Negeri Kelantan
DUN	– Dewan Undangan Negeri
GLC	– Syarikat Berkaitan Kerajaan (<i>Government-Linked Company</i>)
IPTA	– Institut Pengajian Tinggi Awam
IPTS	– Institut Pengajian Tinggi Swasta
MBI	– Membangun Bersama Islam
MMBI	– Merakyat Membangun Bersama Islam
MMK	– Majlis Mesyuarat Kerajaan
NGI	– Pertubuhan Islam Bukan Kerajaan
NGI	– Pertubuhan Bukan Kerajaan Individu / Institusi
NGO	– Pertubuhan Bukan Kerajaan
PBT	– Pihak Berkuasa Tempatan
PMBI	– Penghayatan Membangun Bersama Islam
UPKN	– Urus Setia Penerangan dan Komunikasi Negeri Kelantan

LAMPIRAN 1

1.1 Falsafah

Falsafah penerangan mengutamakan nilai-nilai penyebaran maklumat yang benar, sahih, berhikmah, kemampunan, keinklusifan, kebersamaan, berintegrasi di antara unsur tradisi dengan kemajuan teknologi dan beridentiti.

- 1.1.1. Al-Quran dan sunah menggariskan falsafah penerangan dan komunikasi adalah suatu ibadat yang menekankan kepada kebenaran (*al-haq*) dalam usaha penyebaran ilmu dan maklumat ke arah mendidik, membangun jiwa dan membentuk masyarakat yang harmoni berlandaskan seruan kebaikan dan mencegah keburukan (*al-amr bil maaruf wa nahi anil-mungkar*). Firman Allah SWT. (Surah Al-Hujurat: 49:6):

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِن جَاءَكُمْ فَاسِقٌ بِنَبَأٍ فَتَبَيَّنُوا
 أَن تُصِيبُوا قَوْمًا بِجَهَالَةٍ فَتُصْحَبُوا عَلَىٰ مَا فَعَلْتُمْ
 نَادِمِينَ

Maksudnya: *“Wahai orang-orang yang beriman! Jika datang kepada kamu seorang fasik membawa sesuatu berita, maka selidikilah (untuk menentukan kebenarannya), supaya kamu tidak menimpakan sesuatu kaum dengan perkara yang tidak diingini, dengan sebab kejahilan kamu (mengenainya) sehingga menjadikan kamu menyesali apa yang kamu telah lakukan.”*

1.1.2. Dasar Penerangan mengutamakan penyebaran dan pemahaman maklumat secara berkesan kepada semua lapisan masyarakat. Oleh itu, penerangan dan komunikasi hendaklah memenuhi ciri-ciri iaitu berbicara secara konstruktif, menegaskan kebenaran, menampilkan kejujuran, saling menghormati, bertoleransi serta mengutamakan prinsip kenal-mengenal, di samping berlakunya interaksi dan integrasi dengan pelbagai segmen masyarakat.

i- Kenal-mengenal (Surah Al-Hujurat 49:13)

يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَىٰ
وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ لِتَعَارَفُوا

Maksudnya: *"Wahai manusia, sesungguhnya Kami menciptakan kamu dari seorang laki-laki dan seorang perempuan. Dan Kami menjadikan kamu berbangsa-bangsa dan bersuku-suku, agar kamu saling mengenal"*.

ii- Berbuat baik (Surah Al-Baqarah 2:83)

وَإِذْ أَخَذْنَا مِيثَاقَ بَنِي إِسْرَءِيلَ لَا تَعْبُدُونَ إِلَّا اللَّهَ
وَبِالْوَالِدَيْنِ إِحْسَانًا وَذِي الْقُرْبَىٰ وَالْيَتَامَىٰ
وَالْمَسْكِينِ وَقُولُوا لِلنَّاسِ حُسْنًا

Maksudnya: *“Dan ingatlah ketika Kami mengambil janji dari Bani Israel, (yaitu) janganlah kamu menyembah selain Allah dan berbuat baiklah kepada kedua orang tua, sanak saudara, anak-anak yatim, dan orang-orang miskin, dan katakanlah kepada sesama manusia perkataan-perkataan baik”.*

1.1.3. Ciri-ciri Dasar Penerangan hendaklah selari dengan As-Sunah:

i- Sabda Rasulullah SAW

الْمُسْلِمُ مَنْ سَلِمَ الْمُسْلِمُونَ مِنْ لِسَانِهِ وَيَدِهِ

Maksudnya: *“Muslim itu ialah yang memberikan kesejahteraan kepada Muslim yang lain dengan lidah dan tangannya.”*

(Riwayat Al-Bukhari No. 6003 dan Muslim No. 58):

ii- Tanggungjawab untuk menyampaikan seruan Nabi SAW, seperti Sabda Baginda

بَلِّغُوا عَنِّي وَلَوْ آيَةً

Maksudnya: *“Sampaikanlah dariku walaupun satu ayat”.*

(Riwayat Al-Bukhari No. 3461)

iii- Berakhlak dalam penyampaian penerangan dan komunikasi.
Sabda Rasulullah SAW

إِنَّ مِنْ خَيْرِكُمْ أَحْسَنَكُمْ أَخْلَاقًا

Maksudnya: *“Sesungguhnya orang yang terbaik di antara kalian adalah orang yang paling baik akhlakunya”.*

(Riwayat Bukhari No. 6029 dan Muslim No. 2321)

iv- Penerangan dan komunikasi hendaklah mengelakkan prasangka, sebaliknya membina semangat bersaudara. Sabda Rasulullah SAW

لَا تَبَاغَضُوا وَلَا تَحَسَدُوا وَلَا تَدَابَرُوا وَكُونُوا عِبَادَ
اللَّهِ إِخْوَانًا

Maksudnya: *“Janganlah kalian saling membenci, janganlah kalian saling cemburu dan janganlah kalian saling membelot. Jadilah hamba-hamba Allah yang bersaudara”.*

(Riwayat Al-Bukhari No. 5605):

v- Amaran agar berfikir baik dan buruk sebelum memberi apa-apa komen di pentas maya. Sabda Nabi SAW

إِنَّ الْعَبْدَ لَيَتَكَلَّمُ بِالْكَلِمَةِ مَا يَتَّبِعُ فِيهَا يَزُلُ بِهَا
فِي النَّارِ أَبْعَدَ مِمَّا بَيْنَ الْمَشْرِقِ

Maksudnya: “Sesungguhnya seseorang hamba itu nescaya bercakap dengan suatu perkataan yang tidak dia fikirkan (baik atau buruknya), maka dengan sebab perkataannya itu dia akan tergelincir ke neraka yang jaraknya lebih jauh daripada jarak antara timur dan barat”.

(Riwayat al-Bukhari No. 6477)

- 1.1.4. Oleh itu, Dasar Penerangan Negeri Kelantan meletakkan keharusan dan kebertanggungjawaban berpandukan syarak iaitu berakhlak, kebenaran dan menjauhi dosa, pendekatan dan medium tidaklah bersifat hasutan, adu domba, umpatan, celaan, hinaan, fitnah, racun, dusta dan bohong.

Prinsip Dasar Penerangan dan komunikasi hendaklah merangkumi nilai dan amalan berikut:

- i. Ketelusan dan kejujuran (الشفافية والصدق)

Pendekatan musyawarah diamalkan dalam merangka strategi penerangan. Surah Ash-Shura ayat 38, yang menyerukan agar orang-orang beriman mengadakan musyawarah dalam urusan mereka selaras dengan nilai-nilai amanah dan tanggung jawab secara kolektif.

Dalil Al-Quran: (Surah At-Taubah 9:119)

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ

Maksudnya: *“Wahai orang-orang yang beriman! Bertakwalah kepada Allah, dan jadilah kamu bersama orang-orang yang benar (jujur).”*

Hadis: (Riwayat al-Bukhari No. 5629 dan Muslim No. 4719)

إِنَّ الصِّدْقَ يَهْدِي إِلَى الْبِرِّ، وَإِنَّ الْبِرَّ يَهْدِي إِلَى
الْجَنَّةِ

“Sesungguhnya kejujuran membawa kepada kebaikan,
dan kebaikan membawa ke syurga...”

ii. Ketepatan dan kejelasan (الدقة والوضوح)

Dalil Al-Quran: (Surah Ibrahim 14:4)

وَمَا أَرْسَلْنَا مِنْ رَّسُولٍ إِلَّا بِلِسَانٍ قَوْمِهِ لِيُبَيِّنَ لَهُمْ

Maksudnya: *“Kami tidak mengutuskan seorang Rasul pun melainkan dengan bahasa kaumnya supaya dia menjelaskan kepada mereka...”*

Nabi SAW bersabda: (Riwayat al-Bukhari No. 1741)

فَلْيُبَلِّغِ الشَّاهِدُ الْغَائِبَ، قُرْبَ مُبَلِّغٍ أَوْعَى مِنْ
سَامِعٍ

Maksudnya: “Sampaikanlah oleh yang hadir kepada yang tidak hadir, barangkali orang yang disampaikan kepadanya lebih faham daripada orang yang mendengar sendiri”

iii. Kepercayaan dan keyakinan (الثقة واليقين)

Dalil Al-Quran: (Surah An-Nisa' 4:58)

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَنْ تُؤَدُّوا الْأَمَانَاتِ إِلَىٰ أَهْلِهَا

Maksudnya: “Sesungguhnya Allah menyuruh kamu menyampaikan amanah kepada yang berhak menerimanya...”

Hadis: (Riwayat al-Tirmizi No. 2627)

الْمُؤْمِنُ مَنْ أَمِنَهُ النَّاسُ عَلَىٰ دِمَائِهِمْ وَأَمْوَالِهِمْ

Maksudnya: “Seorang mukmin itu ialah orang yang dipercayai oleh manusia terhadap darah dan harta mereka.”

iv. Keterangkuman dan keterlibatan (الشمول والمشاركة)

Dalil Al-Quran: (Surah Ali 'Imran: 159)

وَشَاوِرْهُمْ فِي الْأَمْرِ

Maksudnya: “Dan bermesyuaratlah dengan mereka dalam urusan (penting).”

Hadis: (Riwayat al-Tirmidzi No. 1767)

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، قَالَ: مَا رَأَيْتُ أَحَدًا أَكْثَرَ مَشُورَةً
لِأَصْحَابِهِ مِنْ رَسُولِ اللَّهِ

Maksudnya: “Dari Abu Hurairah, ia berkata, Aku tak pernah melihat seseorang yang lebih sering bermusyawarah dengan para sahabat dari pada Rasulullah Saw.”

v. Keinsanan dan amanah (الإنسانية والأمانة)

Dalil Al-Quran: (Surah Al-Ahzab 33:72)

إِنَّا عَرَضْنَا الْأَمَانَةَ عَلَى السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ
وَالْجِبَالِ فَأَبَيْنَ أَنْ يَحْمِلْنَهَا وَأَشْفَقْنَ مِنْهَا ۖ وَحَمَلَهَا
الْإِنْسَانُ إِنَّهُ كَانَ ظَلُومًا جَهُولًا

Maksudnya: “Sesungguhnya Kami telah kemukakan amanah kepada langit, bumi dan gunung-ganang, maka semuanya enggan untuk memikul amanah itu dan mereka bimbang tidak dapat melaksanakannya, lalu dipikullah amanah itu oleh manusia. Sesungguhnya manusia itu sangat zalim dan sangat jahil.”

Hadis: (Riwayat al-Bukhari No. 6605)

كُلُّكُمْ رَاعٍ وَكُلُّكُمْ مَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ

Maksudnya: “Setiap kamu adalah pemimpin dan akan ditanya tentang kepemimpinannya.”

vi. Kematangan dan hikmah (النضج والحكمة)

Dalil Al-Quran: (Surah An-Nahl 16:125)

ادْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحُكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ

Maksudnya: “Serulah ke jalan Tuhanmu dengan hikmah dan nasihat yang baik...”

vii. Ketercapaian dan konsistensi (الوصول والاستمرارية)

Dalil Al-Quran: (Surah At-Taghabun 64:16)

فَاتَّقُوا اللَّهَ مَا اسْتَطَعْتُمْ

Maksudnya: *“Bertakwalah kamu kepada Allah sedaya upaya kamu...”*

Hadis: (Riwayat al-Bukhari No. 5984 dan Muslim No.1303)

أَحَبُّ الْأَعْمَالِ إِلَى اللَّهِ أَدْوَمُهَا وَإِنْ قَلَّ

Maksudnya: *“Amalan yang paling dicintai oleh Allah ialah yang berterusan walaupun sedikit.”*

viii. Keadilan dan kebenaran (العدل والحق)

Dalil Al-Quran: (Surah Al-Ma'idah 5:8)

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا كُونُوا قَوَّامِينَ بِالْقِسْطِ شُهَدَاءَ لِلَّهِ...

Maksudnya: *“Wahai orang-orang beriman! Jadilah kamu penegak keadilan, menjadi saksi kerana Allah...”*

Hadis: (Riwayat Muslim No. 3406)

إِنَّ الْمُقْسِطِينَ عِنْدَ اللَّهِ عَلَى مَنَابِرٍ مِنْ نُورٍ

Maksudnya: *“Sesungguhnya orang-orang yang adil berada di sisi Allah di atas mimbar-mimbar cahaya...”*

1.1.5. Prinsip utama penerangan hendaklah berlandaskan Syariat Islam:

i. Amanah:

Penyampaian maklumat adalah tanggungjawab yang wajib dilaksanakan dengan jujur. Firman Allah SWT (*Surah An-Nisa* ayat 58) Allah memerintahkan umat-Nya untuk menunaikan amanah dan menyampaikan kebenaran dengan jujur.

ii. Syura:

Pendekatan musyawarah diamalkan dalam merangka strategi penerangan. *Surah Ash-Shura* ayat 38, yang menyerukan agar orang-orang beriman mengadakan musyawarah dalam urusan mereka selaras dengan nilai-nilai amanah dan tanggung jawab kolektif.

Amanah dan syura saling melengkapi dalam mencipta pemerintahan yang adil dan berintegriti.

iii. Hikmah:

Penyampaian maklumat dilaksanakan dengan penuh kebijaksanaan dan kesantunan. Pendekatan berhikmah dalam menyampaikan informasi menurut al-Quran *Surah An-Nahl* (16:125), Allah berfirman, “Serulah kepada jalan Tuhanmu dengan hikmah dan pelajaran yang baik, dan bantahlah mereka dengan cara yang lebih baik.”

Ini menunjukkan betapa pentingnya menggunakan pendekatan berhikmah dalam gerak kerja dakwah dan menyampaikan informasi.

iv. Adil:

Maklumat disampaikan secara seimbang tanpa prejudis. *Surah An-Nisa* (4:135), Allah berfirman, “Wahai orang-orang yang beriman, jadilah kamu penegak keadilan, menjadi saksi kerana Allah, meski pun terhadap dirimu sendiri atau terhadap ibu bapamu dan kerabatmu.”

Ayat ini menunjukkan pentingnya keadilan dalam setiap interaksi dan komunikasi, agar informasi yang disampaikan tidak hanya benar tetapi juga adil.

v. Benar:

Sentiasa mengutamakan kebenaran maklumat yang bebas daripada nilai kepalsuan dan hasutan.

Dalam *Surah Al-Hujurat*, ayat 6, Al-Quran mengingatkan umat Islam untuk menyelidiki berita sebelum menyampaikannya supaya tidak dikategori fitnah. *Surah Al-Baqarah*, ayat 42, juga Allah SWT menasihatkan supaya tidak mencampurkan kebenaran dengan kebatilan dan berusaha memelihara kebenaran dalam setiap perkataan dan tindakan.

vi. Ihsan:

Sentiasa menambah baik mutu perkhidmatan penerangan kepada rakyat.

Prinsip keihsanan Al-Quran menegaskan setiap kehidupan memiliki nilai dan harus dihormati, Ia merupakan inti daripada prinsip keihsanan. *Surah Al-Isra* (17:70) menyatakan bahawa Allah telah memberi kemuliaan kepada anak Adam. Prinsip tersebut mencakupi tanggungjawab sosial untuk membantu sesama manusia dan memberikan perlindungan kepada golongan yang lemah.

Selain itu, sikap kasih sayang, empati dan menghargai perbezaan juga merupakan sebahagian daripada prinsip keihlanan, yang mengharuskan umat Islam untuk hidup dalam suasana harmonis dalam masyarakat pelbagai kaum dan agama.

LAMPIRAN 2

2.1 Agensi Sokongan:

- i. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri
- ii. Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan (JAHEAIK)
- iii. Perbadanan Menteri Besar Kelantan (PMBK)
- iv. Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK)
- v. Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat (BPTM)
- vi. Bahagian Kerajaan Tempatan (BKT)
- vii. Unit Pemantauan & Pelaksanaan Strategik (SPARK)
- viii. Unit Komunikasi Menteri Besar Kelantan (UKMB)
- ix. Pusat Kajian Strategik (PKS)
- x. Institut Pemikiran Tok Guru (IPTG)
- xi. Institut Latihan Darul Naim (ILDAN)
- xii. Urus Setia Belia, Sukan & NGO Negeri Kelantan (U-BeS)
- xiii. Urus Setia Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita Negeri Kelantan (U-KeKWa)
- xiv. Urus Setia Pembangunan Penghulu Negeri Kelantan
- xv. Yayasan Amanah Tok Kenali (YTK)
- xvi. Bahagian Dakwah Halaqat Negeri Kelantan
- xvii. Media Exco
- xviii. Pegawai Media ADN
- xix. Jabatan-jabatan negeri dan persekutuan yang berkaitan

2.2 Rakan Strategik:

- i. Jawatankuasa Menangani Isu Negeri Kelantan (JAMIN)
- ii. Dewan Bahasa dan Pustaka Wilayah Timur (DBPWT)
- iii. Persatuan Anak Kelantan Perantauan Malaysia (PERAKAN)
- iv. Persatuan Keturunan India Kelantan Semalaysia (SOKMO)
- v. Pusat Integrasi Antara Kaum (PEKA)
- vi. Gu Penerangan
- vii. Penghulu Tanpa Mukim Seranta (PTMS)
- viii. Penghulu Tanpa Mukim Antara Kaum
- ix. Penghulu Tanpa Mukim Wanita
- x. Majlis Pembangunan Komuniti Kampung (MPKK)
- xi. Majlis Persefahaman Pertubuhan OKU Kelantan (MPPOK)
- xii. Majlis Perundingan Wanita Negeri
- xiii. Majlis Perundingan Wanita Parlimen
- xiv. Markas Siswazah Kelantan (MSK)
- xv. Ikatan Mahasiswa Kelantan (NAIM)
- xvi. Skuad Cakna
- xvii. Darul Niswah
- xviii. Kelab Media Kelantan Darulnaim (KEMUDI)

LAMPIRAN 3

Petak Pemetaan

Bil	Strategi	Pelaksana	Inisiatif
1.	Pengukuhan Komunikasi Komuniti	Urus Setia Penerangan dan Komunikasi Negeri Kelantan (UPKN)	SUA/SUP/Exco Penerangan/ Pengarah UPKN
2.	Penyelarasan Saluran Media dan Kemajuan Teknologi	Bahagian Kerajaan Tempatan (BKT) & UPKN	Jelajah Penerangan oleh Penghulu/ Pegawai Media ADN/ Ahli Majlis + PBT
3.	Latihan dan Pembangunan Kepakaran	Institut Latihan Darulnaim (ILDAN)	TOT Kursus Penghulu Santuni Isu
4.	Mengutamakan Kebenaran	Jawatankuasa Menangani Isu Negeri Kelantan (JAMIN)	Bank Jawapan Isu Skuad kenal pasti isu tempatan
5.	Kempen Kesedaran dan Gerakan Kebersamaan Pihak Kerajaan Negeri dengan Kumpulan Berkepentingan	UPKN	Libatkan NGO sebagai skuad penerangan sokongan kerajaan.
6.	Pendekatan Khas Memartabatkan Bahasa Melayu dan Tulisan Jawi dalam Sistem Penyampaian bagi Mendekatkan Budaya, Kesenian dan cita rasa rakyat Kelantan.	BKT & Dewan Bahasa dan Pustaka Wilayah Timur (DBPWT)	PIC pemantau kesilapan ejaan Jawi dan bahasa Melayu
7	Melengkapkan Bidang Teknologi Maklumat	Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat (BPTM)	Bina aplikasi interaktif kerajaan dengan rakyat.

RUJUKAN

Al-Bukhari, Imam Abi Abdillah bin Muhammad bin Ismail (1423H), Sahih Al-Bukhari, Beirut: Dar Ibnu Kathir

Al-Quran tafsir Pimpinan Al-Rahman (2022), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Kuala Lumpur.

Al-Tirmizi, Imam Al-Hafiz Muhammad Isa bin Surah Al-Tirmizi (1996), Sunan Al-Tirmizi. Cet.1. t.t.p:Maktabah Al-Ma'aruf Linnasyr Wa Al-Tanzil.

Cangara. H (2009), Komunikasi Politik, Konsep, Teori dan Strategi. Jakarta Rajawali

Press.

Dewan Bahasa dan Pustaka, *Pusat Rujukan Persuratan Melayu*, rujukan atas talian, akses pada 9 Jun 2025. <https://prpm.dbp.gov.my>

Institut Latihan Perguruan Kelantan (ILPK) [sekarang Institut Latihan Darulnaim –

ILDAN], *Dokumen Rujukan Dasar Pendidikan Rabbani Kelantan*, ILPK, Kota Bharu.

Jabatan Penerangan Malaysia, *Apakah Fungsi Utama Jabatan Penerangan Malaysia*, rujukan atas talian diakses pada 6 Jun 2025. <https://www.penerangan.gov.my/>

Junaidi Awang Besar (2017), *Keberkesanan Pelaksanaan Dasar Awam di Kawasan Dewan Undangan Negeri (N24) Semenyih, Selangor: Suatu Pemerhatian Terhadap Pandangan Pengundi Melayu*. Jurnal Melayu Bil. 16(2) 2017.

Kerajaan Negeri Kelantan: Portal Rasmi Kerajaan Negeri Kelantan, rujukan atas talian pada 7 Jun 2025. www.kelantan.gov.my/

Kerajaan Negeri Kelantan, *Dasar-dasar Kerajaan*, rujukan atas talian pada 7 Jun 2025. <https://www.kelantan.gov.my/index.php/kerajaan-negeri/dasar-dasar-kerajaan>.

Muslim. Imam Abi Al-Husayn bin Al-Hajjaj (2006), *Sahih Muslim*, Saudi: Dar Thoiiyyibah

Pusat Kajian Strategik Negeri Kelantan (2005), *Dasar-dasar Kerajaan Negeri Kelantan Darulnaim Jilid 1-4*. Pusat Kajian Strategik Negeri Kelantan, Kota Bharu.

Severin W.J et.al (1988), *Teori Komunikasi*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.

Teuku Iskandar (1970), *Kamus Dewan*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur. Kerajaan Negeri Kelantan, *Undang-undang Perlembagaan Tubuh Kerajaan Kelantan*, rujukan atas talian, diakses pada 5 Jun 2025. <https://www.kelantan.gov.my/index.php/pekeliling/undang-undang-perlembagaan-tubuh-kerajaan-kelantan>

Urus Setia Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita Kerajaan Negeri Kelantan (2016), *Dasar Kebajikan dan Kesejahteraan Rakyat Negeri Kelantan*, Urus Setia Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita Negeri Kelantan, Kota Bharu.



اوروس ستيا فئرغن دان كومونيكاسي نڱري كلنتن

URUS SETIA PENERANGAN DAN KOMUNIKASI NEGERI KELANTAN

Pejabat Setiausaha Kerajaan

Tingkat Atas, Blok 7 Kompleks Kota Darulnaim

15503 Kota Bharu, Kelantan Darul Naim

☎ 09-7483529 📠 09-7433529



🌐 📧 📞 📠 📺 @upknkelantan

